



Siaran **AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (41) 10/03

WARGA TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA
DIRAI DALAM MAJLIS BERBUKA PUASA

SENDAYAN - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa Menteri Pertahanan bersama 500 orang warga Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bertempat di Pusat Islam, Pangkalan Udara Sendayan, Negeri Sembilan hari ini.

Ketibaan YB Menteri Pertahanan dan isteri, Datin Seri Raja Salbiah Tengku Nujumudin di Pusat Islam disambut oleh Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM dan isteri, Puan Sri Datin Sri Bibi Nasratjahan binti Gulab Khan; Timbalan Panglima Tentera Udara, Leftenan Jeneral Datuk Seri Haji Muhamad Norazlan bin Aris TUDM dan isteri, Datin Seri Hjh Wan Nor Sazlina binti Wan Abd Shukor, serta kepimpinan ATM dan TUDM.

YB Menteri Pertahanan meluangkan masa beramah mesra dengan warga TUDM di Pangkalan Udara Sendayan yang merupakan lokasi pertama beliau bersama warga ATM dalam majlis berbuka puasa tahun ini. Terlebih dahulu, majlis bermula dengan beliau menyantuni warga TUDM dan menyempurnakan penyampaian sumbangan kebajikan kepada 50 orang warga TUDM. Penerima-penerima sumbangan tersebut adalah terdiri daripada lima (5) kategori penerima iaitu kategori asnaf, anak-anak istimewa (Orang Kurang Upaya), pesakit kronik yang terdiri daripada warga TUDM dan waris, balu dan saudara baharu. Sumbangan tersebut merupakan inisiatif melalui Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dalam membantu meringankan beban kepada mereka yang memerlukan khususnya warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam suasana menyambut Ramadan.

Kementerian Pertahanan kekal komited di dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan Warga Pertahanan berada pada tahap terbaik, serta menjadi keutamaan sejajar dengan lima teras Kertas Putih Pertahanan.

Selepas berbuka puasa, YB Menteri Pertahanan bersama-sama warga TUDM menunaikan solat Maghrib seterusnya menikmati jamuan makan sebelum menunaikan solat Isyak serta solat sunat Tarawih dan Witir berjemaah yang diimamkan oleh Leftenan Kolonel Salahuddin bin Safeie, Pegawai Staf 1 Agama, Markas Tentera Udara. Majlis berakhir dengan jamuan Moreh sebagai penutup majlis sempena Ramadan bersama warga TUDM tahun ini.

Turut hadir ialah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM dan isteri Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Teja Puan Sri Datuk Hajah Tengku Muhaini binti Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz dan isteri, Datin Sri Rafidah binti Latif, mantan-mantan Panglima Tentera Udara dan mantan pegawai kanan TUDM, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan LTAT, Dato' Dr. Mohd Nizar bin Haji Sudin, pegawai-pegawai kanan TUDM serta warga TUDM khususnya dari Pangkalan Udara Sendayan dan sekitar kawasan Lembah Klang.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
29 Mac 2023

